

Link : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1167525/negeri-sembilan-sasar-kutipan-peduli-palestin-rm1-juta>

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

## Negeri Sembilan sasar kutipan Peduli Palestin RM1 juta

Oleh Mohd Amin Jalil - Oktober 20, 2023 @ 5:22pm  
bhnews@bh.com.my



Aminuddin (tengah) bersama penyumbang selepas majlis pelancaran Peduli Palestin di Masjid Negeri di Seremban, hari ini. NSTP/Mohd Amin Jalil

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan menyasarkan kutipan RM1 juta bagi mengisi Tabung Palestin yang akan disalurkan untuk membantu rakyat Palestin yang menderita berdepan serangan rejim Zionis sekarang.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata pihaknya berharap seluruh rakyat di Negeri Sembilan dapat menghulurkan sumbangan itu kepada akaun disediakan yang kini berjumlah RM800,000.

"Kita menyasarkan kutipan RM1 juta untuk disumbangkan kepada umat Islam di Palestin. Alhamdulillah, sumbangan daripada agensi dan syarikat swasta di Negeri Sembilan setakat ini sebanyak RM800,000.

"Serangan pasukan mujahidin Hamas ke atas penempatan Yahudi pada 7 Oktober lalu benar-benar mengejutkan dunia.

"Di sebalik kejayaan Hamas menewaskan beberapa pasukan tentera Yahudi di sempadan Gaza, serangan balas tentera Yahudi itu mengorbankan beribu penduduk Gaza termasuk serangan terbaru ke atas hospital di Gaza yang mengorbankan lebih 500 orang.

"Sewajarnya, masyarakat tanpa mengira anutan agama dan bangsa di negeri ini membantu rakyat Palestin," katanya selepas melancarkan Peduli Palestin di Masjid Negeri di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Zaffir Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif Global Peace Mission (GPM) Malaysia, Ahmad Fahmi Mohd Samsudin.

Aminuddin berkata, pihaknya menjangka lebih banyak sumbangan akan dapat dikumpulkan selepas ini.

"Apa yang berlaku di Palestin adalah ujian Allah ke atas kita semua, bahkan ujian ke atas masyarakat dunia dalam memartabat nilai kemanusiaan.

"Pada masa sama, kita perlu bersyukur dengan keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan Allah ke atas negara ini.

"Hargai keamanan ini dengan bertekad untuk terus memelihara hubungan baik sesama kaum, berikan hak kepada yang berhak, tingkatkan nilai kemanusiaan, suburkan nilai saling hormat dan bersikap ihsan dalam setiap urusan," katanya.